

Jumaat, 26 Julai 2019 | 5:27pm



PENGERUSI SKMM, Al-Ihsal Ishak (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Celcom, Idham Nawawi hadir pada majlis pelancaran ujian lapangan berkelompok 5G secara langsung Celcom Axiata Bhd di Petaling Jaya, hari ini. - Foto Rohanis Shukri

Set TV Android babit kecurian harta intelek

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

PETALING JAYA: Isu membabitkan penjualan set TV Android secara dasarnya adalah berkaitan kecurian harta intelek, bukan mengenai set peranti berkenaan semata-mata.

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Al-Ihsal Ishak, berkata terdapat dua bahagian yang terbabit dalam isu berkenaan iaitu perkakasan dan perisian.

Katanya, bagi mana-mana perkakasan yang masuk ke dalam Malaysia, mereka perlu mendapatkan kelulusan SIRIM terlebih dahulu.

“Jika kami membuat pemeriksaan atau serbuan hasil daripada aduan yang diterima dan mendapati perkakasan itu tidak mempunyai kelulusan, maka ia adalah satu kesalahan.

“Bagaimanapun, dalam kes set TV Android, kadang-kadang perkakasan itu mempunyai kelulusan, tetapi perisianya pula didapati telah melakukan kesalahan dari segi kecurian harta intelek.

“Maka, disinilah kami bekerjasama dengan penguatkuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Kastam Diraja Malaysia dalam sesetengah kes yang membabitkan import untuk menangani masalah yang berleluasa ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran ujian lapangan berkelompok 5G secara langsung Celcom Axiata Bhd di sini, hari ini.

Al-Ihsal sebelum ini dipetik sebagai berkata, SKMM masih belum membuat keputusan berhubung larangan jualan set TV Android di Malaysia.

Februari lalu, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Eddin Syazlee Shith berkata, SKMM dan KPDNHEP sedang menjalankan kajian mendalam berhubung potensi pengharaman peranti berkenaan.

Isu mengenai pengharaman jualan set TV Android timbul apabila penguatkuasa giat menjalankan serbuan dan rampasan peranti berkenaan kebelakangan ini sekali gus menimbulkan persoalan sama ada pengharaman sepenuhnya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Mengulas lanjut, Al-Ihsal berkata penyedia kandungan seperti Netflix, iFlix, dimsum dan sebagainya cuba menurunkan kos langganan bagi membolehkan pengguna menikmati kandungan mereka pada kadar harga berpatutuan.

“Contohnya, pada akhir tahun lalu, Netflix telah memperkenalkan pakej langganan serendah RM17 sebulan untuk versi mudah alih bagi membolehkan pengguna melanggan perkhidmatan mereka,” katanya.